



Rujukan Kami : JKPP DP 127/656/1-2 KLT 1 (2)
Tarikh : 14 Februari 2018

Kepada:

Pengendali Perancah dan Pemasang Perancah
Semua Tempat Kerja yang Berkaitan

Tuan,

SURAT ARAHAN BAGI PERLAKSANAAN TUGAS DAN KEWAJIPAN PENGENDALI PERANCAH DAN PEMASANG PERANCAH

Adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa surat arahan ini dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi memperjelaskan tugas dan kewajipan tanggungjawab pengendali perancah dan pemasang perancah secara terperinci dalam memastikan keselamatan perancah yang sedang dibina atau dipasang; disenggara; diubahsuai; dirombak; diselia dan diperiksa adalah terjamin semasa tugas-tugas tersebut dijalankan.
3. Sehubungan dengan itu, surat arahan ini dibangunkan bagi memperjelaskan kehendak sub-peraturan 74 (1) Peraturan-peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-karya Pembinaan Kejuruteraan)(Keselamatan) [BOWECS 1986]. Selain daripada itu, pengendali perancah dan pemasang perancah juga mempunyai tugas dan kewajipan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [AKKP 1994].
4. Oleh itu, surat arahan ini dikeluarkan untuk memberi maklumat dan penerangan kepada semua pengendali perancah dan pemasang perancah di tempat kerja seluruh Malaysia berkaitan dengan tugas dan kewajipan pengendali perancah dan pemasang perancah tersebut sepertimana dinyatakan pada **Lampiran 1: Panduan Berkaitan Tugas dan Kewajipan Pengendali Perancah dan Pemasang Perancah**. Manakala pengendali perancah pula perlu membuat pemeriksaan atau penyeliaan seperti **dalam Lampiran 2: Panduan Pemeriksaan Perancah**.

5. Oleh yang demikian, Jabatan berharap pengendali perancah dan pemasang perancah akan dapat melaksanakan tugas dan kewajipan sepertimana yang telah dinyatakan dengan menyeluruh di semua tempat kerja yang berkaitan bagi memastikan objektif untuk mengurangkan kejadian berbahaya dan kemalangan berhubung dengan perancah akan tercapai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' IR. MOHTAR BIN MUSRI)
Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia

PANDUAN BERKAITAN TUGAS DAN KEWAJIPAN PENGENDALI PERANCAH DAN PEMASANG PERANCAH.

1.0 OBJEKTIF

Panduan ini dibangunkan berdasarkan maklum balas daripada pihak industri berkaitan tugas dan kewajipan pengenali perancah dan pemasang perancah.

2.0 SKOP

Terpakai kepada semua Pengendali Perancah dan Pemasang Perancah di semua tempat kerja seluruh Malaysia.

3.0 DEFINISI

“Kursus latihan berkaitan perancah” merujuk kepada kursus yang dijalankan oleh Pusat Pengajar Kursus Latihan yang diiktiraf oleh JKKP seperti yang tertera di laman sesawang JKKP.

“Pemasang Perancah” atau *Rigger* adalah seseorang yang telah berjaya menamatkan kursus atau latihan berkaitan pembinaan atau pemasangan, penyenggaraan, pengubahsuaian dan perombakan perancah, lulus mana-mana peperiksaan dan mempunyai sijil bagi kursus itu, yang dilantik oleh majikan dan di bawah penyeliaan terus oleh Pengendali Perancah untuk melakukan kerja pembinaan atau pemasangan, penyenggaraan, pengubahsuaian dan perombakan perancah.

“Pengendali Perancah” adalah seseorang yang kompeten yang berdaftar dengan JKKP dan dilantik oleh majikan untuk menjalankan apa-apa kerja penyeliaan atau pemeriksaan untuk melaksanakan apa-apa tugas atau kewajipan yang ditetapkan di bawah BOWECS 1986. Pendaftaran sebagai Pengendali Perancah hendaklah mematuhi Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 12 Tahun 1999: Arahan Pendaftaran Pengendali Perancah dan Operator Kren.

“**Penyeliaan terus**” bermaksud hadir secara fizikal, atau dalam jarak yang terdekat dan bersedia untuk bertindak balas kepada keperluan Pemasang Perancah semasa kerja-kerja pembinaan atau pemasangan, penyenggaraan, pengubahsuaian atau perombakan perancah.

4.0 TUGAS DAN KEWAJIPAN

4.1 Pengendali Perancah

- (a) Pengendali perancah perlu membuat pemeriksaan atau penyeliaan dengan mematuhi kehendak **Bahagian X: Perancah - Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja Pembinaan Kejuruteraan) 1986** sepertimana yang diringkaskan di dalam senarai semak **Lampiran 2: Panduan Pemeriksaan Perancah**.
- (b) Pengendali perancah hendaklah mematuhi kehendak seksyen 20, AKKP 1994 sekiranya dia terlibat dalam proses reka bentuk, pembekalan dan pemilihan bahan perancah.
 - (i) Sebagai pereka bentuk, Pengendali Perancah dikehendaki membuat penaksiran risiko dan memberi maklumat berkenaan reka bentuk perancah kepada majikannya.
 - (ii) Pengendali Perancah perlu memastikan perancah dibina atau dipasang oleh Pemasang Perancah dengan selamat untuk digunakan oleh pekerja dengan sepatutnya.

- (c) Pengendali Perancah hendaklah mematuhi kehendak seksyen 24 dan 25, AKKP 1994.
- (i) Seksyen 24 menghendaki Pengendali Perancah untuk bekerjasama dengan majikannya atau orang lain dan mematuhi Sistem Kerja Selamat, Sistem *Permit-to-Work*, lukisan reka bentuk oleh Jurutera Bertauliah atau apa-apa arahan atau langkah tentang keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang diperkenalkan oleh majikan atau orang lain.
 - (ii) Seksyen 25 menghendaki Pengendali Perancah tidak mengganggu atau menyalahgunakan dengan sengaja, melulu atau cuai, apa-apa komponen atau peralatan yang diadakan untuk kepentingan keselamatan, kesihatan dan kebajikan.
- (d) Sekiranya Pengendali Perancah adalah majikan, dia hendaklah mematuhi kehendak seksyen 15, AKKP 1994 yang menghendaki Pengendali Perancah memastikan Pemasang Perancah diberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan kerja perancah.
- (e) Sekiranya Pengendali Perancah dilantik oleh majikan selain di bawah kontrak perkhidmatan atau pekerjaan, dia hendaklah juga mematuhi kehendak seksyen 17, AKKP 1994 yang menghendaki Pengendali Perancah sebagai seorang yang bekerja sendiri memastikan bahawa dia dan orang-orang lain tidak terdedah kepada risiko pemasangan perancah.
- (f) Pengendali Perancah haruslah menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan perancah mengikut tahap kelayakan seperti di *Table 2: Designated Person (Basic, Intermediate and Advance), Guidelines for Approval of Design Scaffolding 2016*. Garis panduan ini boleh dicapai melalui laman sesawang JKPP.

- (g) Pengendali Perancah haruslah menjalankan penyeliaan terus ke atas sebilangan Pemasang Perancah berdasarkan risiko keselamatan dan kesihatan yang terlibat, kompleksiti kerja, kemahiran, pengetahuan dan pengalaman Pemasang Perancah.

4.2 Pemasang Perancah

- (a) Pemasang Perancah hendaklah mematuhi kehendak Seksyen 24 dan 25, AKKP 1994.
 - (i) Seksyen 24 menghendaki Pemasang Perancah untuk bekerjasama dengan majikannya, Pengendali Perancah atau orang lain dan mematuhi Sistem Kerja Selamat, Sistem Permit-to-Work, lukisan reka bentuk oleh Jurutera Bertauliah atau apa-apa arahan atau langkah tentang keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang diperkenalkan oleh majikan atau orang lain.
 - (ii) Seksyen 25 menghendaki Pemasang Perancah tidak mengganggu atau menyalahgunakan dengan sengaja, melulu atau cuai, apa-apa komponen atau peralatan yang diadakan untuk kepentingan keselamatan, kesihatan dan kebajikan.
- (b) Sekiranya Pemasang Perancah adalah majikan, dia hendaklah mematuhi kehendak seksyen 15, AKKP 1994 yang menghendaki memastikan Pemasang Perancah yang lain (pekerjanya) diberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan kerja perancah.
- (c) Sekiranya Pemasang Perancah yang dilantik oleh majikan selain di bawah kontrak perkhidmatan atau pekerjaan, hendaklah juga mematuhi kehendak Seksyen 17, AKKP 1994 yang menghendaki Pemasang Perancah sebagai seorang yang bekerja sendiri memastikan bahawa dia dan orang-orang lain tidak terdedah kepada risiko pemasangan perancah.

5.0 TEMPOH PERALIHAN

Mana-mana orang yang **sedang** menjalankan kerja sebagai Pengendali Perancah dan Pemasang Perancah dikehendaki mematuhi pekeliling ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat arahan ini dikeluarkan.

6.0 PERTANYAAN

Jika terdapat sebarang pertanyaan berkaitan surat arahan ini, sila kemukakan ke Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri

Patuh	Tidak Patuh	Tidak Berkenaan	Tindakan
-------	-------------	-----------------	----------

4. Pemeriksaan (bukti dokumen)

- (a) Perancah telah diperiksa oleh Pengendali Perancah dalam tempoh sela 7 hari (Per. 85(1)(a), BOWEC)
- (b) Perancah telah diperiksa oleh Pengendali Perancah selepas ia terdedah kepada keadaan cuaca yang mungkin menjejaskan keteguhan atau kestabilannya atau telah menyebabkan mana-mana bahagiannya teranjak (Per. 85(1)(b), BOWEC)
- (c) Pengendali Perancah perlu memastikan pemasangan perancah mengikut reka bentuk dan lukisan
- (d) Keputusan pemeriksaan perancah hendaklah direkodkan ke dalam Buku Daftar oleh Pengendali Perancah (*designated person*) (Per. 85(1)(c), BOWEC)

5. Penyenggaraan dan Tanda Amaran

(bukti dokumen dan fizikal)

- (a) Perancah disenggara dengan sempurna dan bahagiannya dipasang kekal, dikukuhkan atau diletakkan supaya tidak teranjak (Per. 73(1), BOWEC)
- (b) Bagi perancah yang tidak selamat untuk digunakan, diletakkan tanda amaran yang ketara pada laluan masuk ke perancah (Per. 73(2), BOWEC)

6. Kestabilan (bukti fizikal)

- (a) Perancah ditupang dengan kukuh dan disangga atau dirembat secukupnya untuk memastikan kestabilannya (Per. 77(1), BOWEC)
- (b) Struktur dan peralatan bagi tupang dibina dengan selamat, tapak yang kukuh, atau ditupang dengan teguh dan disangga atau dirembat secukupnya (Per. 77(2), BOWEC)
- (c) Struktur dan peralatan bagi platform kerja dibina dengan selamat, tapak yang kukuh, atau ditupang dengan teguh dan disangga atau dirembat secukupnya (Per. 77(2), BOWEC)
- (d) Struktur dan peralatan bagi laluan dibina dengan selamat, tapak yang kukuh, atau ditupang dengan teguh dan disangga atau dirembat secukupnya (Per. 77(2), BOWEC)
- (e) *Armlock* hendaklah dipasang di semua sambungan menegak di antara *frames* bagi memastikan kestabilannya (Per. 3.1, MS1462-1:2012)
- (f) Tiang (*standard*) hendaklah tegak atau condong sedikit ke arah bangunan (Per. 76(1)(a), BOWEC)
- (g) Tiang (*standard*) dipasang dengan cukup dan berdekatan untuk mendapatkan kestabilan (Per. 76(1)(b), BOWEC)

Patuh	Tidak Patuh	Tidak Berkenaan	Tindakan
-------	-------------	-----------------	----------

7. Asas (bukti fizikal)

- (a) Asas, lantai dan tupang berupaya menupang beban reka bentuk dengan faktor keselamatan ≥ 4 (Per. 72(7), BOWEC)
- (b) Jika perancah dipasang bersebelahan atau di atas kawasan korekan, struktur perancah hendaklah ditupang mengikut reka bentuk PE (Per. 112, BOWEC)
- (c) Kaki-kaki haruslah rata, kukuh dan tidak berganjak. Tiada mendapan berlaku (Sek. 15, AKKP)
- (d) Anjakan di bahagian kaki tiang (*standard*) hendaklah dicegah dengan menempatkan plat tapak (*base plate*) yang mencukupi (Per. 76(2)(b), BOWEC)
- (e) Tinggi plat tapak boleh laras (*adjustable base plate*) boleh dilaras sehingga $\frac{3}{4}$ tinggi keseluruhannya (Figure 4, MS1462-1:2012)
- (f) Struktur dan peralatan bagi tupang (*sole plate*) dibina dengan selamat dan tapak yang kukuh (Per. 77(2), BOWEC)
- (g) *Unstable objects such as blocks, bricks, buckets, etc. are not used as work platforms or to support scaffolds* (Sek. 15, AKKP)

8. Sanggaan Mengufuk (*Horizontal Bracing*) (bukti fizikal)

Dipasang pada setiap 4 lif (Figure 3, MS1462-1:2012)

9. *Wall ties* (bukti fizikal)

- (a) Dipasang pada setiap 2 lif (Figure 3, MS1462-1:2012); atau
- (b) Dipasang mengikut reka bentuk dan lukisan PE
- (c) Bahagian bangunan yang menyokong perancah hendaklah daripada bahan yang baik, cukup stabil dan cukup kuat (Per. 80, BOWEC)

10. Platform kerja (*working platform*) (bukti fizikal)

- (a) Jarak antara 2 putlog yang berturut-turut atau tupang lain yang di atasnya terletak platform (Per. 76(6), BOWEC):
 - i. $\leq 1\text{m}$, jika tebal papan 32mm dan lebar 200mm (Per. 87(1)(b), BOWEC);
 - ii. $\leq 1.5\text{m}$, jika tebal papan 38mm dan lebar 200mm (Per. 87(1)(b), BOWEC); atau
 - iii. $\leq 2.6\text{m}$, jika tebal papan 50mm dan lebar 150mm (Per. 87(1)(b), BOWEC).
- (b) Platform disusun rapat, dipapankan atau diplatkan ($\leq 25\text{mm gap}$) (Per. 86(a), BOWEC, Sek. 15, AKKP); atau
- (c) Platform jaringan logam yang keluasan celahnya $\leq 3,870\text{mm}^2$ (Per. 86(a), BOWEC)
- (d) Lebar pelantar $\geq 635\text{mm}$ jika digunakan sebagai tapak kerja sahaja (Per. 86(b), BOWEC)
- (e) Lebar pelantar $\geq 860\text{mm}$ jika digunakan sebagai tapak kerja dan letak bahan (Per. 86(b), BOWEC)
- (f) Lebar pelantar $\geq 1.1\text{ m}$ jika digunakan bagi menupang platform yang lebih tinggi (Per. 86(d), BOWEC)

